

**FATWA MENGENAI PENGGUNAAN KALIMAH ALLAH HANYA MERUJUK KEPADA TUHAN YANG
MAHA ESA DALAM AGAMA ISLAM SAHAJA
ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM (PERAK) 2004**

**Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak yang telah bersidang buat kali 178 pada 17
Julai 2008 bersamaan 14 Rejab 1428 bersetuju untuk mewartakan perkara berikut :-**

**Penggunaan Kalimah Allah hanya dikhususkan
kepada umat Islam.**

**Orang bukan Islam adalah dilarang daripada
menggunakan kalimah Allah dalam apa jua
penerbitan, penyiaran dan penyebaran apa-apa
buku, risalah, filem, video, dan sebagainya.**

**Mana-mana penganut selain daripada penganut
agama Islam adalah dilarang daripada
menggunakan Kalimah Allah untuk sebarang
tujuan atau maksud.**

**FATWA MENGENAI PENGGUNAAN KALIMAH ALLAH HANYA MERUJUK KEPADA TUHAN YANG
MAHA ESA DALAM AGAMA ISLAM SAHAJA
ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM (PERAK) 2004**

KESAN-KESAN PENGGUNAAN KALIMAH ALLAH OLEH BUKAN MUSLIM

Menjejaskan akidah
dan pemikiran umat
Islam

Menimbulkan rasa
tidak senang dan
suasana tidak sihat di
kalangan umat Islam
dan orang bukan Islam.

Menyemarakkan lagi
fahaman Pluralisme dan
Liberalisme di kalangan
masyarakat di negara
ini.

Menimbulkan salah
faham kepada umat
Islam dan umat-umat
yang lain.

Mengancam
keselamatan, keamanan
dan keharmonian
masyarakat awam dan
komuniti Islam.

Menyemarakkan lagi
penyebaran fahaman
salah oleh pendakwah
Kristian atau pendakwah
agama-agama yang lain.

**FATWA MENGENAI PENGGUNAAN KALIMAH ALLAH HANYA MERUJUK KEPADA TUHAN YANG
MAHA ESA DALAM AGAMA ISLAM SAHAJA
ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM (PERAK) 2004**

(ASAS-ASAS PERTIMBANGAN)

Roh Kalimah Allah bukan sekadar menjadi sebutan atau seruan atau panggilan bagi tuhan semata-mata tetapi melambangkan aqidah atau agama bagi orang yang menggunakannya

Penggunaan kalimah Allah kepada umat Kristian atau bangsa-bangsa yang lain adalah tidak bertepatan dan selari dengan prinsip-prinsip al-Quran, al-Sunnah dan Ijma' kerana agama yang benar di sisi Allah hanyalah agama Islam. Firman Allah dalam Surah Ali 'Imran – ayat 19:

إِنَّ الدِّينَ عِنْدَ اللَّهِ الْإِسْلَامُ

Maksud : “Sesungguhnya agama disisi Allah adalah agama Islam.”

Pandangan yang membenarkan penggunaan Kalimah Allah kepada bukan Muslim atas tujuan maslahat dakwah Islamiyah tidak dapat diterima kerana banyak lagi kaedah atau cara lain yang boleh digunakan untuk tujuan maslahat dakwah selain daripada penggunaan kalimah Allah oleh Non Muslim

Memberi kelonggaran kepada non Muslim menggunakan kalimah Allah akan menimbulkan salah faham di kalangan umat Islam. Hasilnya akan ada umat Islam akan menyangka 'Allah' di dalam agama-agama yang lain adalah sama dalam agama Islam.

Akan menyemarakkan lagi api Pluralisme dan Liberalisme Beragama di kalangan masyarakat di Malaysia

Bertepatan dengan Siyasah Syari'yyah yang merupakan peluang bagi pemerintah Islam di negara Islam yang mempunyai kuasa untuk menjaga akidah umat dari sebarang ancaman